



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PAHANG**
Tingkat 1, Wisma Persekutuan
25594 KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR
MALAYSIA

Tel: 609-591 5000 (WISMA) / 609-565 800 (BSN)
Faks: 609-516 4931 (WISMA) / 609-516 5130 (BSN)
Laman Web: <http://www.anm.gov.my/index.php/utama-pahang>

Ruj. Tuan :

Ruj.Kami : ANM.PHG.100-1/9/5(17)

Tarikh : 10 November 2020

SEPERTI DI LAMPIRAN A

Y.Bhg Dato'/Tuan/Puan,

**SENARAI PENERIMAAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN (FRN & GRN) YANG MASIH
BELUM DISEMPURNAKAN PEMBAYARAN SEHINGGA 31 OKTOBER 2020**

Adalah dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) adalah dikehendaki untuk membuat pemantauan ke atas penerimaan bekalan dan perkhidmatan (FRN/GRN) secara bulanan. PTJ hendaklah menyempurnakan bayaran bagi penerimaan bekalan dan perkhidmatan (FRN/GRN) selewat-lewatnya pada bulan berikutnya kecuali penerimaan bekalan dan perkhidmatan (FRN/GRN) bulan Disember yang tertakluk kepada tarikh penutupan akhir tahun. PTJ perlu mendapatkan invois daripada pembekal dengan segera bagi transaksi yang telah mempunyai penerimaan bekalan dan perkhidmatan (FRN/GRN) supaya pembayaran dapat diselesaikan. Bagi penerimaan bekalan dan perkhidmatan (FRN/GRN) yang tidak diperlukan, dokumen tersebut hendaklah dibatalkan dengan segera. Penerimaan bekalan dan perkhidmatan (FRN/GRN) yang melibatkan 'item aset' pembatalan perlu merujuk kepada Tatacara Perolehan Aset dan Inventori.

3. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini disertakan **senarai penerimaan bekalan dan perkhidmatan (FRN/GRN) yang masih belum disempurnakan pembayaran pada 31 Oktober 2020 seperti di Lampiran A** untuk tindakan dan pemantauan oleh PTJ. PTJ juga boleh menyemak senarai dokumen penerimaan bekalan dan perkhidmatan (FRN/GRN) yang masih belum lengkap di portal iGFMAS di bawah **Modul Perolehan – Laporan – Laporan Tanggungan Belum Selesai Pesanan Kerajaan**.

4. Kerjasama dan tindakan **SEGERA** adalah diperlukan bagi memastikan penutupan akaun bulanan dan tahunan dapat berjalan dengan lancar. Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan perkara ini, pihak Y.Bhg Dato'/Tuan/Puan boleh berhubung terus dengan Unit Pengurusan Dana, JANM Negeri Pahang di talian 09-5915013/5036 & 5037.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Pertingkat Inovasi, Terokai Tranformasi, Kuasai Globalisasi"

Saya yang menjalankan amanah,

(**JULIA BINTI ABU BAKAR C.A.(M)**)
Ketua Penolong Pengarah
b.p Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Pahang